

# UTHM unggul di Jerman

**B**ATU PAHAT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melakar sejarah pada peringkat antarabangsa apabila merangkuli kejuaraan pada pertandingan International Exhibition of Ideas-Invention New Product (IENA) 2007 di Nuremberg, Jerman, baru-baru ini.

UTHM yang menghantar empat penyelidik untuk membentangkan enam produk penyelidikan membawa pulang tiga pingat emas dan satu pingat gangsa daripada lima kategori pertandingan disertai.

Ketua delegasi UTHM, Lutfan Jaes, berkata lima kategori disertai mereka ialah teknologi perubahan, pemuliharaan persekitaran, sistem kawalan kebersihan, sistem pemanasan dan pengaliran udara serta kelengkapan pejabat dan penyertaan UTHM pada IENA 2007 ternyata tidak sia-sia kerana hasil penyelidikan mereka bukan saja berjaya memikat hati juri malah menarik perhatian pengunjung.

"Kami menerima terlalu banyak pertanyaan daripada pengunjung yang tertarik



**CEMERLANG...penyelidik UTHM menerangkan produk penyelidikan mereka kepada pengunjung IENA 2007 di Nuremberg, Jerman, baru-baru ini.**

dengan produk hasil penyelidikan UTHM dan ini menambah keyakinan kita bahawa hasil penyelidikan penyelidik universiti ini mampu diterima dan diiktiraf secara praktiknya di pasaran.

"Strategi yang dirancang pihak universiti dengan mempertaruhkan produk penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersilkan di peringkat antarabangsa

berjaya mengambil perhatian juri pertandingan dan pengunjung sama ada orang perseorangan mahupun syarikat swasta," katanya.

Beliau berkata, produk dihasilkan penyelidik UTHM juga bukan saja dapat memenuhi keperluan harian, malah menepati kehendak pasaran yang mahukan aspek keselamatan dan kebersihan alam sekitar.